

Koleksi Fakta

dan

Data Sejarah

Buku

Payung Berkembang

Keluarga Besar
Ahli Waris dan Keturunan
DAULAT YANG DIPERTUAN RAJA PAGARUYUNG
Alamat- Rumah Gadang Tuan Gadih Pagaruyung “Istana Si Lindung Bulan”
Balai Janggo Pagaruyung, Batu sangkar
Sumatra Barat

Hal : Koreksi/ pembetulan
fakta dan data sejarah
yang tertulis dalam buku
“Payung Terkembang”

10 Julai 1990.

Kepada Yth.
Tan Sri Dato’ A. Samad Idris
Pengaruh/ Penulis buku “Payung Terkembang”
di Taratak Desa- Kuala Lumpur
Malaysia.

Assalamualaikum Wr. Wb.

Dengan hormat,

Terlebih dahulu perkenalkan kami kaum Ahli Waris dan Keturunan DAULAT YANG DIPERTUAN RAJA PAGARUYUNG menyampaikan salam takzim dan tahniah atas telah diterbitkannya buah tangan Tan Sri berupa buku “Payung Terkembang”, yang diterbitkan oleh Pustaka Budiman 77-1 Jln. Kampung Pandan 55100 Kuala Lumpur, yang dicetak oleh Malindo Printers, Lot3 Jln.15/ 17, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, cetakan pertama 1990.

Dengan diterbitkannya buku tersebut, semakin nyata hendaknya bagi rakyat dari kedua bangsa serumpun Republik Indonesia dan Kerajaan Malaysia, khususnya bagi Negeri Sembilan dan Rakyat Sumatra Barat/ Minangkabau.

Usaha dan kemahuan keras Tan Sri mengungkapkan hubungan sejarah dan budaya yang sangat erat di antara kedua bangsa tersebut, jelas akan sangat besar manfaat dan ertinya dalam menyelusur dan menapaki kembali asal-usul, hubungan sejarah dan budaya yang telah diwariskan oleh leluhur kita dan hendaknya akan menjadi pegangan serta panduan bagi anak cucu dan kemanakan kelak untuk tetap memelihara dan lebih merapatkan lagi hubungan kedua bangsa/ negara.

Akan tetapi niat baik dan usaha serta kemahuan keras Tan Sri tersebut akan menjadi ternoda dan tercemar selamanya, disebabkan informasi/keterangan yang diberikan oleh orang-orang tertentu yang menyebutkan dirinya sebagai ahli sejarah dan adat Minangkabau itu tidaklah berdasarkan fakta-fakta sejarah yang benar dan tidak dapat dipertanggungjawabkan, bahkan dengan sengaja mereka memberikan informasi kepada Tan Sri informasi/data/fakta/keterangan yang putar balik dengan mengaburkan fakta dan data sejarah itu sendiri.

Untuk lebih jelasnya bagi Tan Sri, dapat kami huraikan di sini fakta-fakta sejarah yang di putar balikkan dan dikaburkan tersebut yang tertulis dalam buku Payung Terkembang sebagai berikut ini:

1. Tertulis dalam buku Payung Terkembang, bahagian 30 dengan judul Gelaran Pusaka Diraja, halaman 331;
Diuraikan bahawa DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'far ibni Alam. Tuanku Abd. Rachman telah diberikan gelaran pusaka "Perkasa Alam Johan berdaulat" oleh Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau.

Yang benar adalah;

Gelaran pusaka tersebut adalah Gelaran Pusaka dari Gelaran Raja Pagar Ruyung yang diberikan oleh Kaum/ Keluarga Ahli Waris Daulat Yang Dipertuan Raja Pagar Ruyung dan diterima langsung oleh DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan berserta ampun. Pemberian gelar/ penyerahan gelar tersebut diadakan dalam suatu upacara adat bertempat di rumah ahli Waris Daulat Yang Dipertuan Raja Pagar Ruyung di Salai Janggo Pagar Ruyung pada tanggal 25 Ogos 1985 dengan dihadiri lengkap oleh:

- ♦ Gabenor KDH Tk. I Sumatra Barat dan Nyonya.
- ♦ Wakil Gabenor dan Muspida Tk. I Sumatra Barat dan Nyonya.
- ♦ Ketua umum Pucuk Pimpinan LKAAM Sumatra Barat.
- ♦ Keluarga Besar Ahli Waris dan Keturunan Daulat Yang Dipertuan Raja Pagar Ruyung.
- ♦ Basa nan Ampek Balai.
- ♦ Nenek Mamak VII Balai, Pagar Ruyung.

Pada hari itu juga, selepas upacara adat di Rumah Keluarga, barulah LKAAM "malewakan" gelar pusaka tersebut di Istana Basa Padang Siminyak, Pagar Ruyung.

2. Tertulis dalam buku Payung Terkembang, bahagian 45 dengan judul Yang Dipertuan Sakti Raja Hitam Tuanku Raja Bagagar Syah Johan Berdaulat Raja Terakhir Alam Minangkabau, halaman 439 s/d. 445, terdapat kesalahan yang fatal dan tidak benar fakta yang dikemukakan, antara lain;
 - a. Gelaran untuk Raja-Raja Pagar Ruyung tidak pernah memakai/ disebutkan "yang Dipertuan Sakti Raja Alam".

Yang benar adalah;

"YANG DIPERTUAN SULTAN... (diikuti nama penobatan),

misalnya;

- ♦ Yang Dipertuan Sultan Alam.
- ♦ Yang Dipertuan Sultan Barandangan.
- ♦ Yang Dipertuan Sultan Alam Muning Syah (I, II, III)

- ♦ Yang Dipertuan Sultan Sembahyang (I, II, III)
 - ♦ Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah.
- b. Terjadinya pembunuhan besar-besaran terhadap keluarga Raja Pagaruyung ditulis dalam buku Payung Terkembang disebabkan oleh huru hara yang pangkal dari sengketa berebut waris dari ahli waris Raja Tigo Selo ditambah Basa Ampek Balai, dstnya...

Yang benar adalah:

Pembunuhan keluarga Raja Pagaruyung disebabkan tipu muslihat Tuanku Lelo Panglima Tentera Paderi yang menjebak keluarga Raja Pagaruyung dalam pertemuan di kota Tengah untuk mengadakan perdamaian dengan kaum Paderi.

Lihat juga; - Buku "Perang Paderi" oleh Muh. Rajab.

-Buku "Adat dan Islam di Minangkabau" oleh Hamka.

-Buku "Sumatra Barat Sampai Plakat Panjang" oleh Rusli Amran.

- Buku "Alam Terkembang Jadi Guru" oleh A.A. Navis.

- Buku "Antara Fakta dan Khayal TUANKU RAO" oleh hamka.

- "Himpunan prasaran dan Kertas Kerja serta Bandingan pada SEMINAR SEJARAH DAN KEBUDAYAAN MINANGKABAU".

- Buku "Sejarah Minangkabau" oleh Mansur Md. Dkk.

- c. Yang sempat lolos dari pembunuhan tersebut dituliskan Yang Dipertuan Sakti Raja Alam Sultan Sembahyang dengan isterinya Tuan Gadis Haluih serta Raja Hitam.

Yang benar adalah:

Yang lolos dari pembunuhan tersebut adalah;

- Yang Dipertuan Sultan Alam Muning Syah III.
- Cucu dari Yang Dipertuan Sultan Alam Muning Syah sendiri, Tuan Gadih Aluih (Puti Reno Sori).

Sedangkan Yang Dipertuan Sultan Sembahyang III (Sultan Abdul Jalil) telah diangkat sebagai Raja Adat di Buo. Dan Sultan Tangkal Alam Syariful Alam Syah saat itu berada di Padang. Tuan Gadih Aluih kemudian dikahwinkan dengan Yang Dipertuan Sultan Sembahyang III pada tahun 1833 dan melahirkan seorang anak perempuan bernama Tuan Gadih Puti Reno Sumpu.


Tuan Gadih Reno Aluih adalah adik kandung dari Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah. Sedangkan Yang Dipertuan Sultan Sembahyang III, adalah saudara sepupu dari Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah.
Lihat juga : -buku-buku rujukan tersebut pada point 2.b.

“Salasilah Raja Pagar Ruyung” yang disalin oleh Drs. Soetan Oesman Tuanku Tua, Kepala Kaum Ahli Waris Daulat Yang Dipertuan Raja Pagar Ruyung.

- d. Nama kecil Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah bukanlah Raja Hitam.

Yang benar adalah:

Sultan Tangkal Alam Syariful Alam.
(Perhatikan cop/ sample di bawah ini;



(Bandingkan cop/ sample ini dengan cop/ sample yang di copy oleh Rusli Amran dalam buku “Sumatra Barat Minggu Plakat Panjang).

3. Tertulisnya dalam buku Payung Terkembang, halaman 440 dan halaman 442-443; Yang Dipertuan Sakti Kahwin dengan;
- ◆ Siti Badi’ah di Kampung Tengah Pagaruyung.
 - ◆ Siti Bati’ah di Padang.
 - ◆ Puteri di Padang.
 - ◆ Puteri Fatimah di Tanjung Barulak.
 - ◆ Puteri di Banten.
 - ◆ Puteri Deli Sordang.

Yang benar adalah:

Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah mempunyai isteri sbb:

- Siti Badi’ah di Padang, mempunyai 4 (empat) orang anak;

- ◆ Sultan Mangan Tuah
- ◆ Puteri Raja Sari Gumilan
- ◆ Puteri Siti Alam Perhimpunan
- ◆ Sultan Bagalib Alam (Sultan Oyang).

- Tuan Gadih Saruaso, mempunyai 1 (satu) orang anak:

Sultan Simawang yang kemudian menjadi Indomo Saruaso (salah seorang dari Basa Ampek Balai)

- Tuan Gadih Gapuak, kemanakan Makhudun Sumanik (salah seorang dari Basa Ampek Balai), mempunyai 1 (satu) orang anak; Sultan Abdul Hadis, yang kemudian menjadi Makhudun Sumanik (salah seorang dari Basa Ampek Balai)

Lihat juga : “Sahsiah Raja Pagaruyung” (point 3.c.)

“Sahsiah Keluarga keturunan Puti Siti Alam Perhimpunan”.

“Sahsiah Keluarga keturunan Sultan Mangun Tuah” yang disalin oleh Keturunan Raja Burhanuddin.

- Catatan:
- Sedangkan di Kampung Tengah Pagaruyung, di Tanjung Barulak, di Banton dan di Deli Serdang Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah tidak Pernah kahwin, apalagi menurunkan anak.
 - Yang kahwin dengan Puteri Fatimah di Tanjung Barulak adalah Yang Dipertuan Sultan Sembahyang III (Sultan Abdul Jalil).
 - Ayah Puteri Salasai adalah Yang Dipertuan Sembahyang III. Ibu dari Puteri Salasai (salah seorang isteri Yang Dipertuan Sultan Sembahyang III) adalah seorang wanita biasa berasal usul dari Cubadak, Lima Kaum, bernama Aciak Tjoceh. Aciak Tjoceh kemudian kahwin lagi dengan seorang laki-laki dari Bukit Gombak melahirkan anak bernama Juaro. Aciak Tjoceh berkubur di Bukit Gombak. Dengan demikian, ibu dari Puti Salasai bukanlah seorang Puteri dari Kampung Tengah Pagar Ruyung.
 - Puti Salasai kemudian diberi tempat tinggal di Rumah Bawah Patai Kampung Tengah Pagaruyung.
4. Tertulis dalam buku Payung Terkembang halaman 443 itu juga, bahawa Yang Dipertuan Sakti Sultan Ala Bagagor Syah Kahwin dengan Puteri Fatimah di Tanjung Barulak dan mempunyai dua orang anak: Puteri Daramah dan Moh. Amin Datuk Paduka Batuah. Keterangan yang tertulis pada halaman 443 ini jelas merupakan pemalsuan sejarah, apalagi kalau diteliti secara sungguh-sungguh:

Pada point 3 surat ini sudah dijelaskan bahawa yang kahwin di Tanjung Barulak

Analisa : Seumpama mengikuti uraian dalam buku Payung Terkembang

(halaman 443) ini, maka bererti Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah Kahwin di Tanjung Barulak sebelum Yang Dipertuan di buang Belanda ke Betawi 1833. hal ini bererti, bahawa Puteri Daramah dan Moh. Amin Datuk Paduka Batuah dilahirkan antara tahun 1830-1834. kenyataannya, anak Puteri Daramah yang tertua bernama Sultan Pamenan gelar Datuk Paduka Batuah baru lahir sekitar tahun 1924. hal ini bererti bahawa Puteri Daramah masih sanggup melahirkan anak dalam usia lebih dari 90 tahun. Kenyataannya lagi adalah, bahawa Puteri Daramah masih pula melahirkan 3(tiga) orang anak lagi. Dengan demikian, tulisan dalam buku Payung Terkembang itu seakan membuktikan bahawa pemberi informasi kepada pengarang buku tidak memahami bila seorang wanita memulai masa menolase.

5. Tertulis dalam buku Payung Terkembang halaman 442 itu juga, bahawa Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah kahwin dengan Puteri dari Bantan dan Deli Serdang.

Yang benar adalah:

Yang kahwin di Banten adalah Sultan Bagulib Alam (Sultan Oyong), anak Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah. Sedangkan yang kahwin dengan Puteri di Deli Serdang adalah Raja Burhanuddin, anak Sultan Mangun Tuah, bererti cucu dari Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah.

6. Khusus mengenai sebutan Daulat Yang Dipertuan (halaman 441 buku Payung Terkembang), dituliskan bahawa sebutan Yang Dipertuan hanya dipakai khusus untuk sebutan Raja Alam Minangkabau. Keterangan buku tersebut tidak benar, kerana sampai pada kenyataannya sekarang, gelar “Yang Dipertuan” juga dipakai untuk sebutan terhadap raja-raja muda yang berada dalam lingkungan kerajaan Pagar Ruyung, seperti:

- ♦ Daulat Yang Dipertuan Padang Munang di Rao, Pasaman.
- ♦ Daulat Yang Dipertuan Parit Batu di Pasaman.
- ♦ Daulat Yang Dipertuan Kinali di Pasaman.
- ♦ Daulat Yang Dipertuan Raja Disambah Alam Surambi Sungai Pagu.

(silahkan melakukan penyelidikan ke negeri bersangkutan)

7. Masih dalam huraian Payung Terkembang, perlu kami perjelas lagi bahawa:

Pelanjut/pewaris Daulat Yang Dipertuan Raja Pagaruyung setelah Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah ditangkap dan diasingkan ke Betawi oleh Belanda, maka takhta kerajaan Pagaruyung dilanjutkan oleh saudara sepupunya, iaitu Yang Dipertuan Sultan Sembahyang III (Sultan Abdul Jalil) dan memimpin perlawanan bersenjata terhadap Belanda yang digerakkan dari wilayah timur Minangkabau dengan basis perlawanan di

daerah Lintau, Sumpur Kuduo dan Kuantan. (Lihat juga buku rujukan pada point 2.b.)

Setelah Yang Dipertuan Sultann Sembahyang III mangkat, Basa Ampek Balai dan Datuk Nan Batujuh Pagaruyung bermuafakat menjemput Yang Dipertuan Gadih Puti Reno Sumpu untuk menduduki takhta, kerana beliaulah satu-satunya ahli waris yang masih murni darah birunya dan yang berhak untuk memangku jabatan Daulat Yang Dipertuan Raja Pagar Ruyung. Pada diri Puti Reno Sumpu-lah tempat bertautnya dan bermuaranya ketika jabatan; Daulat Yang Dipertuan Raja Alam, Raja Adat dan Raja Ibadat, kerana tidak ada ahli waris lainnya yang berhak. Hal ini merupakan acuan adat yang diungkapkan sebagai berikut; Adat raja turun-temurun, adat puti sunduik basuduik.

Yang Dipertuan Gadih Puti Reno Sumpu kahwin pertama dengan Sultan Ismail Raja dari Gunung Sahilan dan dari perkahwinan itu melahirkan anak perempuan yang diberi nama Tuan Gadih Puti Reno Sultan Abdul Majid. Setelah sultan Ismail wafat, Yang Dipertuan Gadih Puti Reno Sumpu kahwin dengan Sultan Mangun, anak dari Yang Dipertuan Batuhampar (kakak kandung Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah) dengan isterinya di Sungai Tarab (kemenakan dari Panitahan Sungai Tarab-salah seotang dari Basa Ampek Balai), menurunkan anak perempuan iaitu Tuan Gadih Puti Saiyah (Tuan Gadih Muda). (Lihat juga buku "Padang Hiwayatmu Dulu" oleh Rusli Amran).

Tuan Gadih Puti Saiyah kahwin dengan Sultan Badriyah anak Sultan Abdul Hadis (jadi, Sultan Badrunsyah juga salah seorang cucu dari Y.D. Sultan Alam Bagagar Syah). Perkahwinan ini melahirkan 4(empat) orang anak:

1. Tuan Gadih Hitam (Puteri Aminah).
2. Tuan Gadih Kuning (Puteri Halimah).
3. Tuan Gadih Ketek (Puteri Fatimah).
4. Tuanku Ketok Sultan Ibrahim. (keturunan beliau ke Negeri Sembilan diterima oleh Yang Dipertuan Besar Tuanku Abdul Rachman).

Dengan demikian, tulisan pada halaman 444 buku Payung Terkembang yang menyebutkan bahawa semakin kabur jejak selok belok Ahli Waris/keturunan Raja Pagaruyung tidaklah benar sama sekali.

8. Mengenai huraian dalam buku Payung Terkembang tentang Istana Basa Pagaruyung yang dituliskan bahawa Istana itu dibangunkan oleh Pemerintah dan atas bantuan berbagai-bagai pihak, perlu kami tambahkan bahawa:

Istana Basa tersebut didirikan berdasarkan muafakat antara Pemerintah Daerah dengan keluarga Ahli Waris Daulat Yang Dipertuan Raja Pagaruyung. Tanah tempat berdirinya Istana Basa tersebut adalah tanah milik ahli waris Daulat Yang Dipertuan Raja Pagaruyung yang diizinkan memakainya dalam status "hak pakai".

(Silahkan memeriksa keterangan kami ini pada Pemerintah Daerah Tk.I Sumatera Barat).

9. Masih banyak kiranya yang perlu di koreksi lagi/ dibetulkan lagi dari apa yang tertulis dalam buku Payung Terkembang, seperti :

- ♦ Pengisytiharan Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Syah menjadi Yang Dipertuan Raja Pagaruyung (halaman 441).
- ♦ Kewenangan Basa Ampek Balai dan Tuan Gadang Batipuh dalam memilih dan menetapkan pengganti Raja (halaman 444).
- ♦ Tentang kisah Rumah Bakik yang ditulis putar balik.
- ♦ Tentang istilah roti (dalam halaman di muka)
Roti, bukan rudi. Ertinya bukan duit, tetapi kerja paksa.

Dari data dan fakta yang kami kemukakan, akhirnya kami sampai pada suatu kesimpulan sebagai berikut:

1. Bahawa nama baik Tan Sri Datuk A.Samad Idris yang terkenal di Malaysia sebagai seorang politikus, budayawan, sejarawan dan jurnalis perlu diselamatkan dari penipuan dan pemalsuan sejarah yang dilakukan oleh sementara orang yang mengaku diri mereka sebagai "ahli sejarah dan ahli adat Minangkabau".
2. untuk itu, dengan segala kerendahan hati, kami menghimbau kiranya Tan Sri dapat menarik kembali buku Payung Terkembang tersebut dari peredarannya dan melakukan perbaikan-perbaikan sebagaimana mestinya dengan memakai sumber-sumber yang jelas dan dapat dipertanggungjawabkan. Hal ini sangat penting dilakukan demi untuk meluruskan jalannya sejarah hubungan antara Minangkabau dengan "Negeri Sembilan yang akan diwarisi kelak oleh anak cucu kita di masa datang.
3. Bilamana himbuan kami ini tidak mendapat tanggapan sebagaimana mestinya, tentunya kami akan mengusahakan melalui upaya hukum, sesuai dengan ketentuan perundangan-perundangan yang berlaku pada kedua negara.

Demikianlah koreksi/ pembetulan ini kami sampaikan kepada Tan Sri untuk dapat kiranya dipadukan dan menjadi perhatian.

Billahi taufiq walhidayah.

Kepala Kaum Ahli Waris dan Keturunan
Daulat Yang Dipertuan Raja Pagaruyung.
Drs. Soetan Osman Tuanku Tuo.
Soetan Ismail Tuanku Mudo.

Tembusan surat isi kami kirimkan kepada:

1. Yth. Bapak Gubernur KDH Tk.I Sumatra Barat.
2. D.Y.M.M. Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Ibni Al-marhum Tuanku Abdul Rachman.
3. Yth. Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Tk.I Sumatra Barat.
4. Yth. Ketua Umum Pucuk Pimpinan Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau Tingkat I Sumatra Barat.
5. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Negeri IX, Dato' Hj. Mohd. Isa bin Hj. Abdul Samad.
6. Yth. Kepala Kejaksana Tinggi – Sumatra Barat.
7. Yth. Saudara-saudara Basa Ampek Balai.
8. Y.A.M. Datuk Undang Yang Empat Kerajaan Negeri Sembilan.
9. Yth. Bp. Prof. Drs Harun Zain Dt. Sinaro, Payung Panji LKAAM Sumatra Barat.
10. Yth. Dato' Sri Utama Ir. H. Azwar Anas Dt. Raja Suleman.
11. Yth. Sdr. Aminuzal Amin Datuk Raja Batuah.
12. Yth. Bupati/walikota madya KDH Tk.II se-Sumatra Barat, selaku Payung Panji LKAAM Tk.II.
13. Yth. Ketua-ketua LKAAM Tk.II se-Sumatra Barat.
14. Yth. Pengerusi Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) Malaysia.
15. Yth. Ketua lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia di Jakarta.
16. Yth. Kepala Arsip Nasional di Jakarta.
17. Yth. Director Muzium Nasional di Jakarta.
18. Y.B. Tuan Hj. Mohd. Noor Nordin Abdullah, Presiden Majlis Belia Negeri IX.
19. Yth. Bp. Dirjan Kebudayaan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia di Jakarta.
20. Yth. Seluruh Keluarga Anak Cucu dan Keturunan, Sapiah Balahan, Kuduang Karatan Daulat Yang Dipertuan Raja Pagaruyung.
21. Yth. Penerbit "Pustaka Budiman" 77-1 Jln. Kp. Pandan, 55100 Kuala Lumpur.
22. Yth. Malindo Printers, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
23. Arsip.